

Intelektualisme Islam Asia Barat dan Alam Melayu

Editor: Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal¹, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari², Zulkarnain Mohamed³

Email: nuruliman@ukm.edu.my ¹, mozaha@ukm.edu.my ²,
zulq@um.edu.my ³

Abstrak: Buku Intelektualisme Islam Asia Barat dan Alam Melayu menghimpunkan kupasan mendalam tentang perkembangan intelektual dan budaya Islam di kedua-dua rantau ini. Karya ini merangkumi pelbagai perspektif dan sumbangan sarjana Islam dalam membentuk pemikiran dan budaya masyarakat. Antara topik yang dibincangkan termasuklah konsep thaqafah yang menggabungkan kebudayaan dan nilai intelektual, peranan intelektualisme dalam kemajuan Melayu menurut pandangan Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi, serta analisis falsafah kepengarangan Hamka melalui karyanya, Tuan Direktur. Buku ini juga menyentuh tentang aspek numerik Al-Quran dan kepentingannya dalam tulisan sarjana Islam. Sumbangan puisi dalam peperangan, khususnya oleh Ka'ab bin Malik, turut dianalisis sebagai alat taktikal pada zaman Rasulullah. Selain itu, pengkajian terhadap model tadbir urus Islam pada era Khulafa al-Rasyidin, nostalgia dalam puisi Ibn Hamdis, serta perjalanan Ibn Battutah sebagai pengembara terulung dunia turut disentuh. Perbincangan ini diakhiri dengan analisis tentang kebitaraan tata kelola Kerajaan Banu Marin, peranan wakaf wanita era Uthmaniyyah, sumbangan ulama Jawa dalam pendidikan di Perak, serta kelestarian amalan Islam dalam kalangan etnik Melanau di Sarawak. Buku ini penting untuk memahami bagaimana warisan intelektual dan budaya Islam mempengaruhi perkembangan masyarakat di Alam Melayu dan Asia Barat. Pembaca disarankan untuk mendapatkan buku ini sebagai sumber rujukan yang kaya dan komprehensif, yang bukan sahaja menambah pengetahuan tentang intelektualisme Islam tetapi juga memberi inspirasi kepada pemikiran kritis dan analitikal dalam konteks budaya dan sejarah yang luas.

Kata Kunci: Islam, alam Melayu, Asia Barat, intelektualisme.

INTELEKTUALISME

Islam

ASIA BARAT &
ALAM MELAYU

EDITOR

Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal
Mohamad Zufazdlee Abul Hassan Ashari
Zulkarnain Mohamed



Penerbit
UTHM

INTELEKTUALISME

Islam

ASIA BARAT &
ALAM MELAYU

INTELEKTUALISME

Islam

ASIA BARAT &
ALAM MELAYU

EDITOR

**Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal
Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari
Zulkarnain Mohamed**


**Penerbit
UTHM
2025**

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Editor: Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari dan Zulkarnain Mohamed

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145
Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:

ATTIN PRESS SDN. BHD. (595562-M)
No 8, Jalan Perindustrian PP4, Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor, Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-8939 0660
E-mel: attinpress@gmail.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-184-1

Kandungan

Prakata

Bab 1	Pendahuluan <i>Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal</i>	1
Bab 2	Intelektualisme, Sandaran dan Kreativiti dalam Pengkayaan Islam <i>Zulkarnain Mohamed</i>	13
Bab 3	Akal, Intelektualisme dan Kemajuan Melayu Menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi <i>Adibah Sulaiman @ Mohamad & Ezad Azraai Jamsari</i>	27
Bab 4	Falsafah Kepengarangan Hamka: Tinjauan Analitikal terhadap Novel <i>Tuan Direktur</i> <i>Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Nursafira Lubis Safian</i>	43
Bab 5	Variasi Numerik Al-Quran dalam Penulisan Sarjana Islam <i>Intan Nor Syahira Ahmad & Md Nor Abdullah</i>	71

Bab 6	Sosiolinguistik dalam Penterjemahan <i>Maheram Ahmad</i>	83
Bab 7	Strategi Lisan Ka'ab bin Malik: Penggunaan Puisi sebagai Alat Taktikal dalam Peperangan bersama Rasulullah <small>بَابُ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ فِي تَرْجُمَانِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ</small> <i>Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal & Nursafira Lubis Safian</i>	115
Bab 8	Model Tadbir Urus Islam Era Khulafa Al-Rasyidin: Teladan Masyarakat Madani <i>Anwar Muttaqin</i>	133
Bab 9	Ekspresi Nostalgia dalam Puisi Ibn Hamdis: Penyair Andalus dari Kepulauan Sicily <i>Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal & Suhaila Zailani @ Hj Ahmad</i>	151
Bab 10	Ibn Battutah: Pengembara Terlung Dunia Abad Pertengahan <i>Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad & Ezad Azraai Jamsari</i>	165
Bab 11	Kebitaraan Tata Kelola Kerajaan Banu Marin (1215-1465M) <i>Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari</i>	197
Bab 12	Peranan Wakaf Wanita dalam Membangun Komuniti Masyarakat Era 'Uthmaniyyah <i>Nur Ainul Basyirah Alias & Ermy Azziaty Rozali</i>	221

Bab 13	Sumbangan Ulama Keturunan Jawa dalam Perkembangan Pendidikan di Perak	237
	<i>Farid Mat Zain & Nurul Ashiqin Mohd Fauzi</i>	
Bab 14	Perbandingan Kritikan Perwatakan Malas Golongan Atasan Melayu Muslim melalui Amalan Feudalisme dalam Travelog ke Tanah Melayu Abad ke-19	253
	<i>Nurul Zafirah Zakaria & Firuz-Akhtar Lubis</i>	
Bab 15	Kelestarian Pengamalan Islam dalam Kalangan Etnik Melanau di Mukah, Sarawak	277
	<i>Napisah Karimah Ismail & Siti Khairunnisa Kamal Bahrin</i>	
Biografi Editor		293
Indeks		295

Prakata

Puji dan syukur ke hadrat Allah SWT yang telah mengurniakan kita nikmat ilmu dan kefahaman serta memberi kekuatan untuk menyempurnakan penulisan buku ini yang bertajuk "Intelektualisme Islam: Asia Barat dan Alam Melayu". Sesungguhnya, ilmu merupakan kunci kepada kemajuan tamadun dan pembangunan manusia. Sejarah Islam telah memperlihatkan peranan penting yang dimainkan oleh para ilmuwan dalam mengembangkan peradaban serta menyebarkan nilai-nilai keilmuan yang mendalam, merentas benua dan budaya.

Buku ini hadir sebagai suatu usaha untuk menyelusuri perkembangan intelektualisme Islam, khususnya di Asia Barat dan Alam Melayu. Kedua-dua wilayah ini mempunyai sejarah yang kaya dengan tradisi keilmuan Islam, yang bukan sahaja mencerminkan keteguhan iman tetapi juga daya kreativiti, ketelitian dan ketokohan dalam bidang falsafah, teologi, sains dan seni. Para cendekiawan di Baghdad sehingga kepada para ulama di Nusantara, sumbangan mereka telah mewarnai lanskap keilmuan Islam secara global.

Dalam konteks Alam Melayu, interaksi antara tamadun Islam dari Asia Barat dengan tradisi tempatan telah melahirkan satu sintesis unik yang memperkayakan lagi khazanah intelektual Islam. Kita dapati bahawa ulama dan sarjana tempatan tidak hanya menerima bulat-bulat ilmu dari luar tetapi mereka turut mentafsir dan mengadaptasi ilmu tersebut sesuai dengan keperluan dan konteks masyarakat setempat.

Menerusi penulisan ini, kami berharap untuk membuka ruang dialog yang lebih luas tentang bagaimana sejarah dan pemikiran Islam

telah berkembang serta bagaimana perkara ini terus relevan dalam dunia yang semakin kompleks. Adalah menjadi harapan kami agar buku ini menjadi rujukan penting bagi para pelajar, ahli akademik, dan masyarakat umum yang berminat mendalami sejarah intelektual Islam di kedua-dua rantau ini.

Akhir kata, semoga buku ini memberi manfaat dan menjadi salah satu usaha kecil dalam menyemarakkan lagi tradisi keilmuan Islam, serta menjadi inspirasi kepada generasi akan datang untuk terus meneroka, memahami, dan menyumbang kepada peradaban Islam yang gemilang.

*Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal
Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari
Zulkarnain Mohamed*



Bab 1

Pendahuluan

Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal

Intelektualisme Islam memainkan peranan penting dalam membentuk peradaban di Asia Barat dan Alam Melayu. Perkara ini merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti falsafah, sains, sejarah, sosiologi, bahasa dan sastera. Asia Barat sebagai pusat kelahiran Islam menjadi tumpuan pengembangan ilmu dan budaya sejak abad ke-7 dengan kota-kota seperti Baghdad, Kaherah dan Damsyik sebagai pusat ilmu. Para ulama dan cendekiawan di kawasan ini merumuskan disiplin ilmu yang menjadi asas kepada peradaban Islam. Manakala di Alam Melayu, penerimaan Islam berlaku melalui perdagangan, perkahwinan, dan dakwah, yang telah mengubah sosio-budaya masyarakat. Proses Islamisasi bukan sahaja melibatkan aspek keagamaan tetapi juga pendidikan, pentadbiran, undang-undang dan kesusasteraan. Oleh yang demikian, buku ini bertujuan menelusuri perkembangan intelektualisme Islam di kedua-dua kawasan, menfokuskan kepada perkembangan pemikiran dan ilmu di Asia Barat serta penerimaan dan pengubahsuaianya di Alam Melayu. Berdasarkan analisis ini, kita dapat memahami interaksi intelektual antara kedua-dua dunia Islam dan kesannya terhadap pembentukan tamadun Islam di Nusantara.

Buku ini dimulakan dengan pentakrifan teori sastera Islam merangkumi konsep *Takmilah* dan persuratan baru serta membahas perbezaan nilai keagamaan dan kebudayaan antara Islam dan bukan-Islam. Ia juga melibatkan persoalan pendefinisan intelektualisme dalam pengkaryaan. Melalui pendekatan ini, penulis mengupas bagaimana nilai-nilai sastera Islam dapat difahami dalam konteks yang lebih luas, menekankan kepentingan pemahaman terhadap ciri-ciri unik dalam pengkaryaan yang berteraskan prinsip-prinsip keislaman.



Bab 2

Intelektualisme, Sandaran dan Kreativiti dalam Pengkaryaan Islam

Zulkarnain Mohamed

PENGENALAN

Kelahiran teori-teori sastera Islam semasa seperti *Takmilah* (Bakar, 1997) dan *Persuratan Baru* (Abdul Rani & Noor Muhammad, 2021) bukan sahaja berkaitan dengan persoalan perbezaan nilai keagamaan dan kebudayaan antara Islam dengan bukan-Islam tetapi turut mencakupi persoalan pendefinisan intelektualisme dalam pengkaryaan. Hal ini disebabkan oleh terdapat perbezaan ketara antara sarjana atau pengkritik Islam dengan bukan-Islam dalam persoalan tersebut. Sebagai contoh, kerohanian menurut perspektif sarjana Islam merupakan satu bentuk ilmu yang signifikan manakala naratif sebagai medium penyampaian yang tidak mempunyai kesignifikan intelektual. Bagi sarjana bukan Islam, kerohanian, atau lebih tepat nilai spiritual, sering dianggap sebagai sesuatu yang terpinggir dan tidak mempunyai signifikansi intelektual, berbanding dengan naratif atau kreativiti yang dilihat sebagai lebih menarik perhatian dan dianggap mempunyai nilai ilmu.

Penekanan perbahasan bab ini ialah persoalan intelektualisme dalam perkaryaan Islam. Persoalan tersebut masih relevan untuk diterokai lebih lanjut memandangkan persoalan itu bukan sahaja menyentuh perbezaan pandangan Islam dengan bukan-Islam tetapi juga berkaitan dengan tradisi pengkaryaan Islam yang masih utuh dan menekankan keintelektualisme Islam tersendiri. Oleh itu, wajar untuk dilihat kembali tradisi pengkaryaan Islam, dengan memberi tumpuan pada asas-asas penting intelektualisme yang terkandung dalam tradisi tersebut. Antara asas penting tersebut ialah yang boleh dikaitkan

pengetahuan yang signifikan, yang tidak terbatas pada bangsa Arab sebagai penerima asal wahyu, serta mendapat huraian praktikal para ulama Melayu yang muktabar dan berautoriti.

PENUTUP

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa *intelektualisme* dalam pengkaryaan Islam adalah suatu perkara yang mendalam (profound), melewati tanggapan sarjana bukan-Islam tentang *naratif* atau penceritaan yang mutlak sebagai suatu yang mempunyai daya tarikan, yang seterusnya dipandang sebagai mempunyai nilai intelektual. Dalam tradisi Islam, intelektualisme terletak pada nilai hakiki yang menggabung ilmu dengan kerohanian atau secara umumnya mempunyai nilai ilmu dan moral secara serentak, bukannya tarikan luaran. Dalam tradisi tersebut, tarikan luaran atau kreativiti bukan merupakan inti pati faham ilmu. Sebagaimana dibuktikan melalui perbahasan *thaqafah Islamiyyah*, intelektualisme dalam pengkaryaan Islam berkait dengan nilai-nilai hakiki bersumberkan mesej yang terkandung dalam sumber utama Islam di samping kitab-kitab Islam yang lain.

RUJUKAN

- Aijaz, Ahmad. 1992. *In Theory: Classes Nations Literatures*. London: Verso
- Al-Da`mi. 2002. *Arabian Mirrors and Western Soothsayers: Nineteenth-Century Literary Approaches to Arab-Islamic History*. New York: Peter Lang.
- Al-Kilani, Najib. 1987. *Madkhal ila al-adab al-Islami*. Qatar: Riasat al-Mahakim al-Shar`iyyah wa al-Shu`udiniyyah.
- Al-Mubarrad, Abu al-`Abbas Muhammad Yazid. 1999. *Al-Kamil fi al-Lughah wa'l-Adab*. Beirut: Al-Maktabah al-`Asriyyah.
- Al-Raniri, Nuruddin. 1636. *Bustanus Salatin*. [Tempat penerbitan dan penerbit tidak dinyatakan]
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir. 2009. *Tarikh al-Umam wa'l-*

Muluk (Tarikh al-Tabari). Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.

Braginsky, V.I. 1993. *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: KITLV Press.

Bukhari Jauhari. 1630. *Tajus Salatin* (tentang perlembagaan Islam). [Tempat penerbitan dan penerbit tidak dinyatakan].

Dayf, Shwaqi. 1989. *Tarikh al-adab al-`asr al-Islami wa'l-Umawi*. Kaherah: Dar al-Ma`arif.

Ibn Nabi, Malik. 1979. *Mushkilat al-thaqafah*. Damsyik: Nadwat Malik.

Kassim Ahmad. 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Zariat Abdul Rani & Salmah Jan Noor Mohummad. 2021. Kesusasteraan Melayu dan Persuratan baru: Satu Pengamatan Kritis Tentang Sambutan Kesarjanaan. *Pertanika*. 29(2): 1449-1468.

Mond. Affandi Hassan. 1992. *Pendidikan Estetika Dari Pendekatan Tawhid*. Kuala Lumpur: DBP.

Said, E.W. 1995. *Orientalism Western Conceptions of the Orient*. London: the Penguin Group.

Shafei Abu Bakar. 1997. Estetika dan Takmilah dlm. Mana Sikana. *Pembangunan Seni dan Sastera*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu FSKK.

Ungku Maimunah Hj. Mohd. Tahir & Zulkarnain Mohamed. 2020. *Watak dan Perwatakan Dalam Sastera*. Serdang: Penerbit UPM.

Winstedt, R.O. 1969. *A History of Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.



Bab 3

Akal, Intelektualisme dan Kemajuan Melayu Menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi

Adibah Sulaiman @ Mohamad & Ezad Azraai Jamsari

PENGENALAN

Abad ke-19M menyaksikan kemunculan gerakan-gerakan reformasi di dunia Islam menjangkau dari Asia Barat hingga ke Asia Tenggara. Kelantangan suara-suara islah telah menjalar ke dunia Melayu pada awal abad ke-20M hasil pertembungan dua buah wilayah, iaitu Timur Tengah dan Alam Melayu. Nama tokoh-tokoh seperti Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rashid Rida tidak asing dalam kalangan pendokong islah di Alam Melayu, antaranya Syed Sheikh Ahmad al-Hadi.

Ketokohan Syed Sheikh terserlah melalui kemampuannya menghasilkan tulisan dan karya dalam pelbagai bidang. Beliau bukan sahaja mengutarakan pandangan islah berhubung masalah agama tetapi turut menyentuh masalah sosiopolitik dan ekonomi umat Islam amnya dan masyarakat Melayu secara khusus. Keberanian beliau mengkritik permasalahan hidup bangsanya sendiri memperlihatkan sifat peka dan prihatin Syed Sheikh terhadap kemunduran orang Melayu. Beliau berpandangan agama Islam bukan merupakan faktor keterbelakangan orang Melayu tetapi sikap mereka menjadi penyumbang penting kepada dilema itu. Bangsa Melayu didapati selesa dengan kehidupan yang sedia ada dan menunjukkan penerimaan berbentuk negatif terhadap idea-idea pembaharuan.

Sebagaimana pendirian islah 'Abduh tentang kepentingan akal, Syed Sheikh menyatakan akal mempunyai kepentingan tersendiri dalam mengubah pemikiran dan persepsi manusia tentang sesuatu perkara. Pembaharuan dalam agama memerlukan pemikiran yang dinamik,

RUJUKAN

- Adnan Nawang. 1998. *Za'ba dan Melayu*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Alwi Sheikh al-Hadi. t.th. "Riwayat Hidup Syed Sheikh bin Ahmad bin Hassan al-Hadi". *Surat Persendirian*, SP.24/1.
- Alwi Sheikh Alhady. 1981. *Malay Customs and Traditions*. New York: AMS.
- Anon. 1907. Madrasah al-Iqbal al-Islamiah. *al-Imam*. 2(4). 8 Oktober: hlm. 120-122.
- Anon. 1908. Madrasah al-Iqbal Singapura. *al-Imam*. 2(8). 4 Februari: hlm. 264.
- Anon. 1926. Pendahuluan. *al-Ikhwān*. 1(1). 16 September: hlm. 1-4.
- Anon. 1926. Teriak Sebenar. *al-Ikhwān*. 1(2). 16 Oktober: hlm. 1-4.
- Anon. t.tha. "Petikan-petikan Tulisan Sheikh al-Hadi dari *al-Imam* dan *al-Ikhwān*". *Surat Persendirian*, SP. 60/6.
- Anon. t.thb. "Salasilah Syed Alwi". *Surat Persendirian*, SP.60/1.
- Elmustian Rahman. 2000. "Hubungan Kesultanan Johor dengan Riau-Lingga". Kertas Kerja Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, 3-6 Mei 2000, Garden Eden Hotel, Johor Bahru.
- Hasan Junus. 1992. *Mesjid Pulau Penyengat*. Pekanbaru: Seri Geliga.
- Khoo Kay Kim. 1974. Malay society, 1874-1920s. *Journal of Southeast Asian Studies*. 5(2): 179-198.
- Mahayudin Yahaya. 1989. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Abdullah Enan. 2014. *Ibnu Khaldun Riwayat Hidup dan Karyanya*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Muhsin Mahdi. 2014. *Falsafah Sejarah Ibnu Khaldun Kajian Tentang*

Akal, Intelektualisme dan Kemajuan Melayu Menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi

Dasar Falsafah Ilmu Budaya. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysian Berhad.

- R. Suntharalingam. 1987. *Pensejarahan Barat*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 1997. The reformation of the Islamic educational system: An analysis of the reformist's point of view. *Muslim Education Quarterly*. 14(3): 64-72.
- Rahman Abdullah. 2000. *Wacana Falsafah Sejarah Perspektif Barat dan Timur*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Roff, W.R. 1972. *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals: Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941*. Oxford: Oxford University Press.
- Sheikh Ahmad al-Hadi. 1907. Menuntut Ketinggian Anak Negeri. *al-Imam*. 12 Julai. 2(1). hlm. 25-31.
- Syed Alwi al-Hady. 1999. The Life of My Father. Dlm. Gordon, A. (pnyt.). *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady*. Kuala Lumpur: MSRI.
- Syed Alwi Syed Sheikh al-Hadi. "Bapa Nobel Melayu Syed Sheikh al-Hadi". *Surat Persendirian*, SP.24/3.
- Syed Sheikh Ahmad al-Hadi. 1932. Hari Raya Tahun Ini. *Saudara*. 4(180).
- Syed Sheikh Ahmad al-Hadi. 1964. *Faridah Hanum*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Syed Sheikh Ahmad Alhady. 1965. Ugama Islam dan Akal. *Dian*. Oktober.
- Syed Sheikh al-Hadi. 1932. Bergantung Kepada Daya Upaya Sendiri Itu Rahsia Kemenangan dan Kemajuan. *Saudara*. 4(197). 16 April. hlm. 1
- Talib Samat. 1992. *Syed Sheikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Talib Samat. 1998. Syed Sheikh al-Hadi: Kehidupan dan Pandangan Hidupnya yang Terpancar dalam Karya Sastera. *Dewan Sastera*. Jun, 14-20.
- Vatikiotis, P.J. 1980. *The History of Egypt from Muhammad Ali to Sadat*. Edisi ke-2. London: Weidenfeld and Nicolson.
- W. Ismail W. Hamat. 1975. Masyarakat Melayu dalam Separuh Abad ke-19. *Dian*. 82, 48-54.
- Wan Kamal Mujani. 2012. *Pensejarahan Islam siri Pertama Sejarahwan Madrasah Madinah Sehingga Awal Abad Ke-4 Hijrah/ 10 Masihi*. Edisi Ke-2. Bangi: Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd Nor. 2012. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2004. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Jil. 7. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Muhamad Saghir Abdullah. 1972. 'Ulama' Besar 'Alam Melayu. *Dian*. 49,. 43-51.
- Wan Saifullah Wan Abdul Ghani & Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2013. Falsafah Islam Merentas Zaman. *Simposium Antarabangsa Falsafah Islam 2013*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlmn: 1-8.
- Zainab al-Khudhairi. 1979. *Filsafat Sejarah Ibn Khaldun*. Bandung: Pustaka.



Bab 4

Falsafah Kepengarangan Hamka: Tinjauan Analitikal terhadap Novel *Tuan Direktur*

Mohamad Zulfazdlee Abu Hassan Ashari & Nursafira Lubis Safian

PENGENALAN

Karya sastera baik dalam bentuk puisi mahupun prosa disifatkan sebagai cerminan kepada gagasan falsafah dan pemikiran seseorang pengarang. Selain itu, karya sastera boleh dianggap sebagai reaksi kepada setiap isu yang berlaku dalam persekitaran hayat pengarang. Pandangan ini ditegaskan oleh Zohkarnain dan Lubis (2021) apabila membicarakan tentang sebuah bentuk karya sastera, iaitu travelog, yang berperanan sebagai himpunan segala pengamatan pencatat terhadap sesuatu masyarakat. Pernyataan ini membawa suatu kesimpulan umum bahawa karya sastera merupakan antara sebahagian daripada bentuk refleksi terhadap apa yang berlaku di sekeliling pengkarya, termasuk melibatkan kehidupan manusia dan masyarakat. Hal-hal sedemikian akhirnya memberikan ilham dan pengalaman seterusnya membentuk kepengarangan seseorang pengarang dalam menyampaikan falsafah dalam karya sastera yang dihasilkan. Kritikan sosial, didaktisme, nilai ilmu dan akhlak sering kali dituangkan di dalam karya sastera bagi mengajak khalayak pembaca bersama-sama memikirkan sesuatu isu yang cuba diketengahkan dalam bentuk penceritaan.

Antara sasterawan yang kerap menjadikan karya sasteranya sebagai medan penyampaian pemikiran adalah Hamka. Kemunculan Hamka tidak terhad sebagai seorang sasterawan semata-mata, bahkan susuk dirinya turut terangkum beberapa ciri kualiti yang versatil, antaranya pemikir, pemedato, pejuang kemerdekaan, politikus, pendakwah dan ulama. Kualiti yang beraneka tetapi jitu ini menjadikan nama Hamka

kehidupan seperti mana yang terkandung di dalam karya ilmiahnya seperti *Tasawuf Moderen*, *Lembaga Hidup* dan *Falsafah Hidup*. Isu kemanusiaan yang merupakan isu serius dan sejagat telah disinggung melalui pendekatan penulisan sastera kreatif sekali gus menyerlahkan kebitaraan Hamka sebagai seorang ulama-sasterawan dalam menyampaikan pemikirannya kepada khalayak masyarakat. Persoalan yang diketengahkan dalam novel *Tuan Direktur* masih lagi relevan untuk diamati pada hari ini memandangkan kemanusiaan merupakan isu yang infiniti dan berkait rapat dengan kehidupan manusia itu sendiri.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don. 2010. Relevansi dan aplikasi ayat 125, Surah al-Nahl dalam konteks dakwah serantau. *Jurnal al-Hikmah* 2:127-134.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. 2009. Nilai Mencapai Kehidupan Sejahtera: Pandangan Hamka. *Jurnal MALIM* 10: 123-144.
- Abdul Rahman Aziz. 2001. Pemikiran Etika dalam Karya-karya Hamka. Dlm. *Hamka dan Transformasi Sosial di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zahiruddin Mohd. Zabidi. 2014. Prof. Dr. Hamka & Dakwah Melalui Penulisan: Sorotan Terhadap Pengalaman Peribadinya. *Kertas Kerja Seminar Pemikiran HAMKA '14*, 18 Oktober.
- Armini Arbain. 2017. Pemikiran Hamka dalam Novel-novelnya: Sebuah Kajian Sosiologis. *Jurnal Puitika* 13(2): 75-88.
- Bukhari, M. AG. 2012. Dakwah Humanis dengan Pendekatan Sosiologis-Antropologis. *Jurnal al-Hikmah* 4: 111-130.
- Ezad Azraai Jamsari, Noranizah Yusuf, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Adibah Sulaiman @ Mohamad. 2011. Sejarah Kerajaan Islam di al-Andalus Menurut Buku *Sejarah Umat Islam* Karya Hamka. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*: 167-172.

- Fariza Md. Sham & Zakaria Stapa. 2013. Metodologi Dakwah Kepada Remaja: Pendekatan Psikologi Dakwah. *Jurnal al-Hikmah* 3: 145-166.
- H. Rusydi Hamka. 2010. *Hamka Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu: Menatap Peribadi dan Martabatnya*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hamka. 2015. *Tuan Direktur*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- Irfan Hamka. 2013. *Ayah...Kisah Masa Muda, Dewasa, Menjadi Ulama, Sastrawan, Politisi, Kepala Rumah Tangga, Sampai Ajal Menjemputnya*. Jakarta: Republika Penerbit.
- Idris Awang. 2009. *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*. Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.
- Kamal Azmi Abd. Rahman & Syarifah Nur Aminah Syd Kassim. 2015. Idea-idea Kritikan Sosial Hamka di dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara (PANtUMN)*, 28 April.
- Kamarul Baharin A. Kasim & Asyaari Muhamad. 2015. Saranan HAMKA terhadap Perpaduan Bangsa Serumpun Malaysia – Indonesia. *International Journal of The Malay World and Civilization* 3(1): 3-13.
- Mahmudah Fitriyah Z. A. 2017. Pemikiran Hamka dalam Tasawuf Moderen dan Implementasinya dalam Novel: *Di Bawah Lindungan Ka'bah (DBLK)* dan *Tenggelamnya Kapal Van Derwijck (TKVD)*, *Proceedings of The International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*: 87-96.
- Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Mohd. Roslan Mohd. Nor, Nursafira Lubis Safian, Mohd. Hafiz Safiai, Hakim Zainal & Ezad Azraai Jamsari. 2021. Mughal Kingdom in India According to Hamka's Sejarah Umat Islam. *International Journal of Advanced Research* 9(11): 970-978.
- Mohd. Faizal Musa. 2012a. Peranan Hamka dalam Pembentukan Awal Sastra Islam Moden di Indonesia. *Jurnal 'Ulum Islamiyyah* 8: 3-15.

- Mohd. Faizal Musa. 2012b. *Wacana Sastera Islam di Malaysia & Indonesia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Hafizul Faiz Hashim. 2016. Falsafah Kesusasteraan Hamka: Satu Tinjauan kepada Beberapa Karya. *Proceedings International Conference on Teaching Arabic Language and Literature to Non-Arabic Speaker*: 1-17.
- Mustafa Daud. 2001. Pemikiran Kesusasteraan dalam Karya Kreatif Hamka. Dlm. *Hamka dan Transformasi Sosial di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurshuhadah Zuhaidi & Firuz-Akhtar Lubis. 2021. Hamka: Tokoh Ulama Nusantara. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1):74-82.
- Nur Asyiqin Zohkarnain & Firuz-Akhtar Lubis. 2021. Persepsi Sayyid Qutb terhadap Paderi di Amerika Syarikah dalam Travelognya Amerika *Allati Ra'ytu. Islamiyyat* 43(1): 173-184.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2010. Pendekatan Dakwah al-Ghazali kepada Golongan Pemerintah. *Jurnal al-Hikmah* 2: 51-67.
- Shobahussurur. 1430H. Pembaruan Pendidikan Islam Perspektif Hamka. *Jurnal Tsaqafah* 5(1): 79-96.
- Siti Hajar Che Man. 2001. Peranan dan Kedudukan Wanita dalam Novel-novel Hamka. Dlm. *Hamka dan Transformasi Sosial di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Steenbrink, K. 1994. Hamka (1908-1981) and the Integration of the Islamic *Ummah* of Indonesia. *Studia Islamika* 1(3): 119-147.
- Steenbrink, K. 1995. Quran Interpretations of Hamzah Fansuri (CA. 1600) and Hamka (1908-1982): A Comparison. *Studia Islamika* 2(2): 73-95.
- Zul'azmi Yaakob. 2012. Falsafah Alam dalam Konteks Falsafah Ketuhanan Menurut Hamka. *International Journal of Islamic Thought* 1: 75-86.



Bab 5

Variasi Numerik Al-Quran dalam Penulisan Sarjana Islam

Intan Nor Syahira Ahmad & Md Nor Abdullah

PENGENALAN

Abad mutakhir ini menyaksikan kemunculan aspek bilangan sebagai salah satu bentuk kajian bagi kemukjizatan al-Quran. Hal ini seiring dengan penyelidikan dari sudut bahasa, saintifik dan pensyariatan yang sudah lama diberikan perhatian oleh sarjana Islam. Menurut Ahmad Hasan Farhat (2007) *i'jaz 'adadi atau raqmi* termasuk topik baru yang dibincangkan dalam kajian kemukjizatan al-Quran. Ibn Manzur (1994) menjelaskan *'adad* adalah ukuran (*miqdar* dan *mablagh*) dari sesuatu yang dihitung (Muhammad Akrom Adabi, 2019). Manakala huruf *ya' al-nisbah* dibelakang kata *'adad* berfungsi sebagai penisbatan kepada jenis atau berkaitan dengan *'adad*. Antara aspek mukjizat al-Quran adalah apa yang disebut oleh Allah SWT dalam al-Quran termasuk bilangan hitungan, himpunan, pecahan, darab, keserasian, keseragaman, kesinambungan, bahagi dua dan gandaan. Menurut Dantzig (1954) dan Shahrir Mohamad Zain (1984) angka adalah bahasa setiap cabang ilmu sains.

Abu Zaki Ismail dan Mohd Yakub (2016) mengatakan bahawa perbincangan berkaitan konsep mukjizat dari aspek bilangan adalah idea bahawa al-Quran mengandungi kekuatan dan kehebatan dari segi bilangan dan keseimbangan dari sudut penyusunannya. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap ayat yang dikemukakan oleh Allah SWT dalam al-Quran tidak ditemui dalam karya-karya generasi awal Islam. Tokoh sarjana Islam, Said Nursi merupakan pencetus kepada kajian kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan yang mula menyentuh berkaitan pengulangan perkataan dalam al-Quran kerana

PENUTUP

Secara keseluruhan, kajian dari aspek bilangan khususnya yang membincangkan tentang kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan (*i'jaz 'adadi*) merujuk kepada keindahan dari sudut pemilihan elemen bilangan dalam pelbagai bentuk. Di samping, penyebutan perkataan-perkataan bilangan bersesuaian konteks ayat yang dinyatakan. Ia juga merupakan satu kaedah baru bagi mengkaji berkaitan kemukjizatan al-Quran.

Kajian ini mengukuhkan dapatan kajian-kajian lepas bahawa elemen bilangan dalam al-Quran penting bagi memahami maksud ayat secara mendalam. Penyebutan unsur bilangan yang terdapat pada ayat-ayat al-Quran semestinya mempunyai peranan dan fungsi tertentu. Pemerhatian kepada bilangan yang disebutkan dalam al-Quran menjadikan kefahaman terhadap makna sesuatu ayat semakin jelas dan menyeluruh. Penentuan makna bagi penyebutan bilangan yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran ini tidak mudah kerana ada kalanya elemen bilangan ini ditafsirkan sebagai perkataan yang merujuk kepada sesuatu bilangan. Walaupun begitu, terdapat beberapa rujukan kitab tafsir yang ditulis oleh sarjana kontemporari menekankan terjemahan atau perbincangan tentang elemen bilangan dengan melihat konteks ayat secara keseluruhan.

RUJUKAN

Al-Quran

'Abd Rida, 'A. 'A. 2011. *Al-Ayah al-Quraniyyah wa Mafahim al-Riyadiyat*. Al-Mu'tamar al-Dawli al-Thalith li l'jaz al-'Adadi fi al-Quran al-Karim. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdurrahman. 2016. Mukjizat al-Quran dalam Berbagai Aspeknya. *Jurnal Pusaka*: LP3M IAI Al-Qolam.

Abu Zaki Ismail. 2017. *Mukjizat Bilangan Dalam al-Quran: Kajian Perbandingan Antara Bassam Nihad Jarrar Dan 'Abd al-Daim Al-Kahil*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

- Abu Zaki Ismail & Zulkifli @ Mohd Yakub. 2016. Cabaran dalam Mengketengahkan Kajian Angka Sebagai Mukjizat al-Quran. *QURANICA: International Journal of Quranic: University of Malaya*, 8(1), 47-72.
- Ahmad Hasan Farhat. 2007. *Al-Dawabit al-Shar'iyyah li Dirasat al-Ijaz al-'Adadi fi al-Quran*. Dalam *Buhuth al-Nadwah al-Thaniyyah li I'jaz fi al-Quran al-Karim al- I'jaz al-'Adadi fi al-Quran al-Karim*. (12–13 Mac). Dubai: International Holy Quran Award.
- Dantzig, T. 1954. *Number: The Language of Science*. Ed. Ke-4. New York: The Free Press.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. 1994. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Intan Nor Syahira Ahmad & Md Nor Abdullah. 2021. Tinjauan Literatur Kajian Bilangan Dalam Al-Quran: Satu Tinjauan Umum. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 105–119.
- Jibril, Linda Turki. 2011. *Nazariyyat al- I'jaz al-'Adadi Dirasah Naqdiyyah*. Oman: Dar al-Ma'mun li al-Naṣr wa al-Tawzī.
- al-Kahil, 'Abd al-Dāim. 2008. *Misteri Angka 7: dalam Mukjizat Matematika al-Quran*. (A. Fadhil, Terj.) Jakarta: Sahara.
- Ling Misbahuddin. 2011. Makna Bilangan Angka dalam al-Quran. *Jurnal at-Taqaddum*, 3(1), 47–60.
- Mikdar Rusdi. 2014. *Konotasi Angka Dalam Al-Quran: Suatu Pendekatan Tafsir Maudui*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd Yusoff dan Azniwati Abdul Aziz. 2012. Centre of Quranic Research (CQR). Dalam *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*, 213- 224.
- Muhammad Akrom. 2019. *Al-Quran dan Rahsia Angka: Kajian Kitab Tafsir Karya*.

- Mustar. 2011. *I'jaz 'adadi: Kemukjizatan Angka 7 dan 19 dalam al-Quran*. (Disertasi Ijazah Sarjana, Program Studi Tafsir-Hadith, Fakultas Usuluddin, Universitas Islam Negeri Sharif Hidayatullah, Jakarta).
- Nasution, H. A. A. 2013. Matematika dalam al-Quran. *Logaritma*, 1(1), 112–122.
- Nagwa Younis. 2012. Through Lexicographers' Eyes: Does Morphology Count in Making Quranic Bilingual Dictionaries?. *Language Resources and Evaluation for Religious Texts L(LRE-Rel Workshop Programme)*, 94.
- Roslan Ab Rahman, Hashim Mat Zin, Md Nor Abdullah & Hasan Al-Banna Mohamed. 2012. Keindahan Gaya Bahasa Al-Quran: Suatu Tinjauan Isti'arah Dalam Juzuk Kedua. *'Ulum Islamiyyah Journal*, 9(December), 1–24.
- Rosmawati Ali. 2010. *Pengantar Ulum al-Quran*, Kuala Lumpur: Percetakan Salam Sdn. Bhd.
- Shaharir Mohamad Zain. 1984. Pengajaran dan Pembelajaran Matematik di Malaysia. Dalam *Prosiding UKM: Dasar dan Peranan Pendidikan matematik di Malaysia*, 13-21.
- Syahrul Rahman. 2017. Pro Kontra I'jaz 'adadi dalam al-Quran. *Jurnal Usuluddin* 25(1), 34-43.



Bab 6

Sosiolinguistik dalam Penterjemahan

Maheram Ahmad

PENGENALAN

Bahasa merupakan sebuah alat komunikasi utama yang digunakan oleh masyarakat manusia di seluruh dunia. Tanpa bahasa, kehidupan mereka tidak akan lengkap dan sempurna. Akan tetapi apakah yang ditakrifkan dengan bahasa? Adakah bunyi dan suara yang dikeluarkan oleh kumpulan binatang juga boleh dianggap sebagai bahasa? Dalam pengertian linguistik manusia, suara atau bunyi binatang tidak dianggap sebagai bahasa, walaupun mereka (binatang) menggunakan suara atau bunyi untuk berkomunikasi sesama mereka. Komunikasi binatang boleh mencakupi pelbagai fungsi seperti untuk menarik pasangan, untuk menandai wilayah, untuk memberi peringatan, untuk menunjukkan keberadaan, perasaan, bahaya dan sebagainya. Contohnya, burung-burung berkicau untuk berkomunikasi dengan anggota kelompok mereka. Mamalia seperti kucing dan monyet juga menggunakan pelbagai suara untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan mereka. Namun, bahasa mereka tidak memiliki struktur tatabahasa dan sintaksis yang kompleks seperti bahasa manusia. Oleh sebab itu, bunyi atau suara mereka tidak boleh dipanggil bahasa dalam maknanya yang sebenar seperti bahasa manusia.

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PPRM), bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam sesuatu kelompok manusia untuk melahirkan perasaan dan fikiran. Tanpa bahasa, maksud masih boleh disampaikan, misalnya dengan menggunakan isyarat, atau melalui gerak-geri tetapi cara ini kurang berkesan. Berkait hal ini, Abdul Rashid dan Amat Juhari

bergantung kepada perkataan semata-mata. Dengan itu, tujuan utama terjemahan dapat dicapai, iaitu untuk memastikan mesej yang disampaikan kepada masyarakat atau pembaca sasaran adalah tepat dan relevan.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Daing Melebek & Amat Juhari Moain. 2012. *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anderman, Gunilla, & Rogers, Margaret. 2017. *Terjemahan Masa Kini: Trend dan Perspektif*. Terj. Anis Shahirah Abdul Sukur & Haniza Lockman. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Bell, Roger T. 1991. *Translation dan Translating*. London: Longman.
- Bell, Roger T. 2012. *Terjemahan Produk dan Proses*. Terj. Zubaidah Ibrahim-Bell & Syed Nurulakla Syed. Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002. Kamus Dewan (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002. Kamus Inggeris Melayu Dewan (Cetakan Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa & Halimah Pondo. 2012. *Isu Sosiolinguistik di Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Holmes, Janet. 2008. *An Introduction to Sociolinguistics*. Third edition. England: Pearson Education Limited.
- House, Juliane. 2013. *Penterjemahan*. Terj. Haslina Haroon. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Huang, Yan. 2015. *Pragmatik*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Ibn al-Muqaffa'. 2024. Kalilah wa Dimnah: Terjemahan Kalilah wa Dimnah (Siti Hadijah Mappending, Terj.). Alor Setar: Alasfyaa Sdn. Bhd.

- Kusssmaul, Paul. 2015. *Melatih Penterjemah*. Terj. Dahlina Daut @ Mohmud. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Larson, Mildred L. 1984. *Meaning-Based Translation: A Guide to Cross-Language Equivalence*. Lanham dan London: University Press of America.
- Leech, G. 1974. *Semantics*. Harmondsworth: Penguin Books Ltd.
- Levinson. 1987. *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Maheram Ahmad. 2024. Terjemahan sebagai Komunikasi antara Budaya. Dlm. *Landskap Bahasa dan Sastera Arab*. Peny. Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Lily Hanefarezan Asbullah & Kaseh Abu Bakar. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Muhamad Zaidi Zakaria, Ibrahim Abdullah & Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad. (t.t). Ayat Tanya Dalam Al-Quran: Satu Analisis Pragmatik. Dlm. *e.Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 16(6), 1–11. <https://journalarticle.ukm.my/19989/1/34260-106894-1-SM.pdf>
- Muhammad Fauzi Jumingan (penyusun). 2006. *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Nababan, P. W. J. 1984. *Sosiolinguistik*. Jakarta: Gramedia.
- Newmark, P. 1988. *A textbook of translation*. New York: Prentice Hall
- Newmark, P. 2017. Tiada Komunikasi Sejagat tanpa Terjemahan. Dlm. *Terjemahan Masa Kini: Trend dan Perspektif*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nida, Eugene A. 1964. *Toward a Science of Translation*. Leiden: E. J. Brill.
- Nida, Eugene A. 2001. *Contexts in Translating*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Nik Safiah Karim. 1992. *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. *Semantik Dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. 2003. *Beberapa Topik Asas Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Novi Siti Kussuji Indrastuti. 2018. Representasi Unsur Budaya dalam Cerita Rakyat Indonesia: Kajian Terhadap Status Sosial dan Kebudayaan Masyarakat. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* , 3(3). <http://www.msocsciences.com>
- Nur Anis Fadzil & Anis Shahirah Abdul Sukur. 2021. Penterjemahan dimensi sosial kata tabu dalam novel *The Catcher in the Rye*. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(1), 176–194. <https://www.researchgate.net/publication/346974860>
- S. Othman Kelantan. 1991. *Ustaz*. Kajang: Citra Publishing Sdn. Bhd.
- S. Othman Kelantan. 2010. *Al-Ustadh*. Terj. Sultan Ahmad & Mujahid Mustafa Bahjat. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- 'Umar, Ahmad Mukhtar. (t.t). *'Ilm al-Dilalah*. Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- Venuti, L. (1995) *The translator's invisibility: A history of translation*. London: Routledge.
- Zubaidah Ibrahim-Bell. 2006. Kajian Makna dan Terjemahan. Dalam *Kajian Bahasa dan Terjemahan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.



Bab 7

Strategi Lisan Ka'ab bin Malik: Penggunaan Puisi sebagai Alat Taktikal dalam Peperangan bersama Rasulullah ﷺ

Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal & Nursafira Lubis Saftian

PENGENALAN

Puisi merupakan salah satu bentuk ekspresi seni yang paling dominan dalam tamadun Arab, khususnya sebelum kemunculan agama Islam. Pada zaman Jahiliah, puisi memegang peranan penting dalam masyarakat, bukan sekadar sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium penyampaian mesej berkaitan budaya, politik dan sosial. Penyair ketika itu dianggap sebagai individu berpengaruh, kerana karya mereka berfungsi untuk merakam sejarah kabilah, mempertahankan maruah serta menyebarkan nilai-nilai keberanian dan kekuatan. al-Askari (1993) menyatakan bahawa penyair dilihat sebagai suara kabilah mereka dan puisi yang dihasilkan turut menggambarkan kedudukan serta kehebatan suku tersebut. Oleh itu, puisi bukan hanya sekadar seni tetapi juga cerminan identiti dan martabat masyarakat Arab pada masa itu.

Kedatangan Islam menyebabkan fungsi puisi mengalami perubahan ketara. Islam memperkenalkan satu set nilai dan prinsip baharu yang disebarkan melalui pelbagai medium termasuk puisi. Puisi mula digunakan untuk menyampaikan mesej keagamaan dan dakwah, serta membangkitkan semangat perjuangan dalam kalangan umat Islam. Rasulullah ﷺ mengiktiraf peranan puisi dalam mempertahankan Islam dan menyemarakkan semangat, dengan melibatkan penyair terkemuka seperti Hassan bin Thabit, Abdullah bin Rawahah, dan Ka'ab bin Malik untuk menyebarkan ajaran Islam melalui puisi mereka (Ibn Hisham, 833M). Ini jelas menunjukkan bagaimana puisi digunakan sebagai alat strategik dalam menyokong misi Islam.

PENUTUP

Kebijaksanaan Ka'ab bin Malik terletak pada kemampuannya menggabungkan seni puisi dengan strategi peperangan secara efektif. Dengan memanfaatkan puisi sebagai senjata lisan yang berpengaruh, beliau menunjukkan kepakaran dalam menggunakan kekuatan kata-kata untuk mencapai matlamat dalam peperangan. Ka'ab bukan sahaja memperjuangkan dan memperkukuh Islam melalui ungkapan artistiknya, tetapi juga menunjukkan kebijaksanaan dengan menjadikan puisi sebagai alat yang mempengaruhi psikologi musuh dan memotivasi tentera Islam.

Puisinya bukan sekadar bentuk seni yang indah tetapi juga medium untuk menyampaikan nilai-nilai dan ajaran Islam secara berkesan. Beliau menggunakan puisi untuk menguatkan semangat pejuang Islam, mendorong mereka untuk berjuang dengan lebih gigih, dan memastikan mereka tetap bersatu dan setia di bawah kepimpinan Rasulullah ﷺ. Pada masa yang sama, puisi beliau berfungsi melemahkan semangat musuh dengan menyebarkan propaganda yang merendahkan moral mereka, mencipta rasa takut dan ketidakpastian.

Kehebatan Ka'ab bin Malik dalam menggunakan puisi sebagai alat taktikal ini sekali gus menunjukkan kebijaksanaannya dalam memanfaatkan seni untuk mempengaruhi hasil peperangan dan memperkukuh kedudukan Islam. Ini tidak hanya menunjukkan kepakarannya dalam bidang puisi, tetapi juga memperlihatkan pemahamannya yang mendalam tentang bagaimana seni boleh dijadikan alat taktikal dalam konteks peperangan dan penyebaran agama.

RUJUKAN

Abd al-Bar, Yusuf ibn Abd Allah ibn Muhammad. 1992. *Al-Isti'ab fi Ma'rifat al-Ashab*. Disunting oleh Muhammad Ali al-Bajawi. Beirut: Dar al-Jabal.

al-Ani, Sami Maki. 1966. *Diwan Ka'ab bin Malik al-Ansari: Dirasah wa Tahqiq*. Edisi pertama. Beirut: Alam al-Kutub.

- al-Askari, Abu Hilal. 1993. *Kitab al-Sina'atayn*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Asqalani, Ahmad ibn Ali ibn Muhammad al-Kinani. 1993. *Tuhdhib al-Tuhdhib*. Jil. 8. Kaherah: Dar al-Kutub al-Islami.
- al-Baladhuri, Ahmad ibn Yahya ibn Jabir. 1996. *Jumal min Ansāb al-Ashraf*. Disunting oleh Suhayl Zakkar dan Riyad Zarkali. Jil. 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Isfahani, Abu al-Faraj. 1959. *Al-Aghani*. Disunting oleh Abd al-Sattar Farraj. Jil. 6. Beirut: Dar al-Thaqafah.
- al-Mubarakhi, Muhammad Hadi. 2016. Shi'r Ghazawat al-Nabi: Dirasah Tahliliyah. *Majalah al-'Ulūm al-Shar'iyyah wa al-Lughah al-'Arabiyyah, Universiti Amir Sattam bin Abdulaziz, Arab Saudi*.
- al-Qalqashandi, Ahmad ibn Ali ibn Ahmad. 1970. *Nihayat al-Arab fi Ma'rifat Ansab al-'Arab*. Disunting oleh Ibrahim al-Abiyari. Edisi kedua. Beirut: Dar al-Kitab al-Bannani.
- al-Salabi, Ali Muhammad. 2007. *Ghazawat al-Rasul (ṣ): Durus wa 'Ibar wa Fawa'id*. Edisi pertama. Kaherah: Mu'assasah Iqra'.
- al-Waqidi, Muhammad ibn Umar. 822. *Kitab al-Maghazi*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Gharib Mamkhud Qasim. 2019. *Al-Durus wa al-'Ibar fi Ghazawat wa Saraya Khayr al-Bashar : Ghazwat Badr al-Kubra*. Edisi pertama. Jil. 1. Kaherah: Al-Wadi li al-Thaqafah wa al-'I'lam.
- Ibn Hazm, Ali ibn Ahmad ibn Sa'id. 2003. *Jawami' al-Sirah al-Nabawiyyah*. Disunting oleh Abd al-Karim Sami al-Jundi. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Hisham, Muhammad. 833. *Sirah Nabawiyyah*. Kaherah: Dar al-Jil.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il ibn Umar. 1990. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Maktabah al-Ma'arif.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman. 1377. *Muqaddimah*. Kaherah: Dar al-Fikr.

Strategi Lisan Ka'ab bin Malik: Penggunaan Puisi sebagai Alat Taktikal dalam
Peperangan bersama Rasulullah ﷺ

Ibn Sa'ad, Muhammad. 845. *Tabaqat al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-
Ilmiyya.

Sayyam, Zakariyya Abd al-Rahman. 1978. *Al-Adab al-'Arabi fi al-'Asr al-
Jahili wa Sadr al-Islam*. Kaherah: Dar al-Nas.

Tulaymat, Ghazi dan Irfan al-Ashqar. 2006. *Al-Shu'arā' fi 'Asr al-
Nubuwwah wa al-Khilafah al-Rashidah*. Damascus: Dar al-Fikr.



Bab 8

Model Tadbir Urus Islam Era Khulafa Al-Rasyidin: Teladan Masyarakat Madani

Anwar Muttaqin

PENGENALAN

Umumnya tadbir urus baik memberi penekanan kepada aspek nilai, menerima tingkah laku pentadbiran yang baik dan menolak tindakan yang tidak beretika atau boleh dipersoalkan. Beberapa kajian mendapati prinsip akauntabiliti ialah komponen yang utama dalam tadbir urus baik (Siti Zurina et al., 2019). Menurut Wan Ahmad & Amer Hudhaifah (2022) prinsip tadbir urus yang baik menurut Islam berteraskan konsep khalifah, keadilan dan syura. Daripada tiga konsep tersebut, terbentuklah prinsip tadbir urus yang baik, iaitu integriti, akauntabiliti, amar maaruf, nahi mungkar, teliti, muhasabah, ketelusan, persamaan dan kebebasan. Dari aspek perlaksanaannya pula, prinsip tadbir urus yang baik bersumberkan Islam. Syarat pelaksanaan pemerintahan atas prinsip keadilan pastinya menjamin kesejahteraan rakyat berbilang keturunan dan taraf hidup tanpa dibatasi pegangan agama masing-masing.

Seterusnya, pengurusan sebagai satu kajian ilmiah terhadap bakat dan kebolehan serta kemahiran seseorang menjadi pengurus. Khalifah kedua dunia Islam, Saidina Umar bin al-Khattab pula mendefinisikan pengurusan sebagai melayani kehendak awam atau rakyat. Hal ini dapat dilihat dalam kenyataannya *“Saya telah melantik gabenor bagimu, juga para pegawai bukan untuk memikul tubuh atau mengambil hartamu tetapi untuk mendidik dan melayanmu”* (Ahmad Ibrahim, 1991).

Mohd Yusof (1991) mendefinisikan pengurusan sebagai kebolehan menggunakan segala sumber alam dan manusia kurniaan Allah

3. Kejayaan pada zaman Khulafa al-Rasyidin menunjukkan bagaimana pemerintahan khalifah terbukti berkesan dalam menyelesaikan masalah dalaman dan luaran melalui dasar tadbir urus Islam pada masa itu.
4. Kaedah yang ditunjukkan oleh pengurusan Islam zaman Khulafa al-Rasyidin sentiasa cuba mencari cara untuk meningkatkan keberkesanan untuk kebaikan organisasi pada masa akan datang.

RUJUKAN

